

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 13 TAHUN 1972<sup>1</sup>

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG BOLEH DINIKMATI  
OLEH SESEORANG PEGAWAI YANG MEMANGKU  
JAWATAN YANG LEBIH TINGGI

Pada masa yang lepas beberapa ketetapan yang berlainan telah dibuat bagi menentukan kadar-kadar elaun atau had-had kemudahan dan pinjaman yang boleh dinikmati oleh seseorang pegawai yang memangku jawatan yang lebih tinggi daripada jawatan hakikinya. Misalnya, ada Pekeliling-Pekeliling dan Surat-Surat Pekeliling yang menetapkan bahawa seseorang pegawai yang memangku jawatan yang lebih tinggi daripada jawatan hakikinya boleh dibenarkan menikmati elaun-elaun atau kemudahan-kemudahan yang diuntukkan bagi jawatan yang lebih tinggi itu dan ada pula yang menetapkan dengan khususnya bahawa kadar-kadar elaun atau had-had kemudahan dan pinjaman yang boleh didapati oleh seseorang pegawai itu, samada ia memangku jawatan yang lebih tinggi atau tidak, hendaklah mengikut kelayakan (eligibility) bagi jawatan yang dipegang secara hakiki (substantively) atau berdasarkan kepada gaji bagi jawatan hakikinya sahaja.

2. Adalah ditetapkan bahawa mulai daripada 1hb Januari, 1973, seseorang pegawai yang memangku jawatan yang lebih tinggi daripada jawatan hakikinya adalah dibenarkan menerima elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan termasuk kemudahan meminjam wang Kerajaan untuk membeli kenderaan atau rumah berdasarkan kepada kelayakan bagi gaji jawatan lebih tinggi yang dipangku itu dengan syarat:

- (i) pemangkuan jawatan yang lebih tinggi itu ialah bagi maksud dinaikkan pangkat ke jawatan, perkhidmatan atau tingkatan lebih tinggi dari jawatan hakiki, yakni *tidak* meliputi pemangkuan jawatan yang lebih tinggi secara sementara atau di samping menjalankan tugas-tugas sendiri;
- (ii) seorang sahaja yang boleh menerima elaun atau kemudahan yang diperuntukkan bagi sesuatu jawatan yang dipangku itu;
- (iii) jika elaun atau kemudahan itu berkenaan (incremental), maka jumlah elaun atau had kemudahan yang boleh diterima hendaklah tidak lebih daripada kadar minima bagi jawatan yang dipangku itu. Misalnya, Elaun Pakar bagi Pegawai Pakar Perubatan Tingkatan Tertinggi "F" di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15/1966 secara hakiki ialah \$900×50-1,050 sebulan dan Pegawai Pakar Perubatan Tingkatan Tertinggi "G" yang memangku

jawatan Tingkatan Tertinggi "F" serta layak mendapat elaun ini dibenarkan menerima perbezaan di antara kadar minima \$900 dengan kadar Elaun Pakar yang sedang didapatinya bagi jawatan Tingkatan Tertinggi "G" itu; dan

- (iv) jika elaun atau kemudahan itu bersusutan maka pengurangan atau penghapusannya hendaklah mengikut kadar atau had yang diuntukkan bagi jawatan yang lebih tinggi yang dipangku itu. Misalnya, apabila seorang Pegawai yang bergaji di antara \$700 hingga \$1,800 sebulan sedang menerima Elaun Rumah Sementara sebanyak \$150 sebulan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/1970 memangku jawatan Tingkatan Tertinggi yang bergaji lebih daripada \$1,800 hingga \$2,150 sebulan dan masih layak mendapat elaun itu, maka kadar Elaun Rumah Sementara hendaklah disusutkan kepada \$100 sebulan mulai dari tarikh ia memangku jawatan yang bergaji lebih daripada \$1,800 sebulan itu. Begitu juga kaedahnya bagi pegawai yang memangku jawatan Tingkatan Tertinggi yang bergaji lebih daripada \$2,150 sebulan, Elaun Rumah Sementara yang sedang diterimanya hendaklah dihapuskan mulai dari tarikh pemangkuan jawatan yang bergaji lebih daripada \$2,150 sebulan itu.

3. Pegawai-pegawai yang sudah ataupun sedang memangku jawatan-jawatan yang lebih tinggi daripada jawatan-jawatan hakiki masing-masing dan belum menerima kemudahan yang diberi dalam Pekeliling ini tidak dibenarkan menuntut elaun-elaun atau kemudahan-kemudahan mengikut kadar atau had bagi jawatan yang lebih tinggi itu dari tarikh yang kebelakangan (retrospectively) sekiranya pemangkuan yang dimaksudkan untuk naik pangkat itu telah dimulakan lebih awal daripada 1hb Januari, 1973. Begitu juga sebarang pengurangan atau penghapusan elaun berikutan dengan pemangkuan yang dimaksudkan dalam Pekeliling ini tidak boleh dilakukan lebih awal dari 1hb Januari, 1973.

DATUK ABDULLAH BIN AYUB,  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
BANGUNAN U.M.B.C.,  
KUALA LUMPUR,  
*5hb Disember, 1972.*

---

<sup>1</sup> Dibatalkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1980 mulai 18hb Jun, 1980.